



31 Mei 2018

**KENYATAAN MEDIA**  
Untuk Siaran Segera

**PULANG KE KAMPUNG DENGAN SELAMAT**  
**PEMERIKSAAN KENDERAAN PERCUMA DI PUSPAKOM**

---

**Shah Alam, 31 Mei** – Sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, PUSPAKOM akan menganjurkan Kempen '#drivesafenoregrets Pemeriksaan Kenderaan Sukarela' (#drivesafenoregrets) percuma bagi pemilik kenderaan persendirian mulai 1 hingga 11 Jun 2018, dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang di semua cawangan PUSPAKOM di seluruh negara, kecuali di cawangan Shah Alam, Perai, Langkawi, Pasir Gudang dan Lahad Datu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail, statistik menunjukkan kempen pemeriksaan percuma sempena musim perayaan pada 2017 mencatat hampir 3,000 buah kenderaan persendirian, iaitu peningkatan sebanyak 240 peratus (240%) berbanding hanya 828 buah kenderaan pada 2012. Ternyata usaha yang dijalankan oleh PUSPAKOM terbukti berkesan kerana sambutan orang ramai meningkat saban tahun.

"Kempen #drivesafenoregrets ini bertujuan untuk mengubah persepsi masyarakat dan meningkatkan kesedaran serta kefahaman masyarakat terhadap aspek keselamatan kenderaan. Kenderaan bukan hanya perlu diselenggara sahaja, tetapi juga menjalani pemeriksaan secara berjadual dalam memastikan keadaan kenderaan beroperasi pada tahap terbaik," kata Shukor.

Shukor berkata beliau percaya kadar kemalangan dapat dikurangkan sekiranya setiap pemandu mengambil berat terhadap keselamatan kenderaan masing-masing.

"Salah satu punca berlakunya kemalangan jalan raya adalah keadaan kenderaan yang kurang baik. Sebagai contoh, kenderaan yang mengalami kerosakan pada brek tidak dapat berfungsi dengan baik dan akan mengakibatkan kemalangan jalan raya. Justeru, faktor keadaan kenderaan ini perlu diberi perhatian serius. Semua pemandu kenderaan perlu memainkan peranan penting bagi memastikan keselamatan kenderaan mereka terjamin di jalan raya," jelas Shukor.



Pelanggan yang hadir menjalani pemeriksaan percuma ini akan diberi keutamaan, tanpa perlu menunggu dan membuat sebarang temujanji, serta tidak memerlukan sebarang dokumen.

Pemeriksaan kenderaan sukarela ini merangkumi pemeriksaan 25 perkara termasuk ujian pengeluaran asap, suspensi, gelincir sisi, bahagian atas dan bawah kenderaan, brek dan ketelusan cahaya cermin. Laporan pemeriksaan akan diserahkan kepada pelanggan sejurus selesai pemeriksaan dan boleh dijadikan sebagai rujukan bagi memudahkan pelanggan membuat penyelenggaraan dan pembaikan selanjutnya terhadap kenderaan mereka.

“Unit Pemeriksaan Bergerak kami juga akan menawarkan pemeriksaan percuma di parkir Tesco Shah Alam, Seksyen 13 dan di kawasan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 3 dan 6 Jun 2018 dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Kami berharap agar lebih ramai pemilik kenderaan persendirian akan mengambil peluang ini untuk memeriksa kenderaan mereka sempena kempen tersebut” ujar Shukor.

Sempena kempen ini, PUSPAKOM juga menganjurkan pertandingan Instagram 'Snap & Win', di mana pelanggan berpeluang memenangi hadiah menarik yang ditawarkan. Pelanggan hanya perlu menjalani pemeriksaan percuma ini dan memuat naik gambar di instagram rasmi PUSPAKOM, “*puspakom\_ontheroad*” dengan hashtag *#drivesafenoregrets* atau *#puspakom\_ontheroad*. Gambar yang diadili sebagai paling kreatif akan memenangi hadiah.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen pemeriksaan percuma *#drivesafenoregrets* ini, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927 atau layari laman sesawang PUSPAKOM di [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) atau laman rasmi Facebook PUSPAKOM.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

PUSPAKOM akan melanjutkan waktu operasi pada **hari Sabtu 9 Jun 2018** iaitu dari jam 8 pagi sehingga 5 petang di semua cawangan PUSPAKOM di seluruh negara (termasuk Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) bagi memenuhi permintaan yang dijangka tinggi sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri ini.

Semua kakitangan kami telah bersedia dan komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Para pelanggan yang mempunyai tarikh luput pemeriksaan yang jatuh pada tarikh tersebut atau cuti umum Hari Raya Aidilfitri boleh mengambil kesempatan ini untuk membuat perancangan awal untuk pemeriksaan kenderaan mereka.

###

**Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan**

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322

**Kapsyen:** Kempen #drivesafenoregrets akan bermula dari 1 hingga 11 Jun 2018 di 51 pusat pemeriksaan PUSPAKOM. Pertandingan Instagram 'Snap & Win' ini dibuka kepada semua pemilik kenderaan persendirian yang hadir menjalani pemeriksaan percuma di PUSPAKOM.



JOM, BALIK KAMPUNG! #drivesafenoregrets

Periksa kenderaan anda secara **Percuma** Sempena Hari Raya Aidilfitri


★ Untuk Kenderaan Persendirian Sahaja

TARIKH: 1 - 11 JUN 2018 MASA: 8 PAGI - 5 PETANG

Sertai Pertandingan Instagram SNAP & WIN

www.puspakom.com.my | Puspakom Sdn Bhd | 1-800-88-6927 | customerservice@puspakom.com.my

**Kapsyen:** Bacaan ujian brek dan pelepasan asap akan dicetak atas laporan pemeriksaan



**Kapsyen:** Unit Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM juga akan menawarkan pemeriksaan percuma di parkir Tesco Shah Alam, Seksyen 13 dan di kawasan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk kenderaan persendirian secara percuma bagi memastikan kenderaan selamat dipandu untuk balik kampung.

